

# PM tandatangani deklarasi sedunia

KUALA LUMPUR, Khamis  
Perdana Menteri hari ini menandatangani Deklarasi Sedunia Mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak iaitu sebagai komitmen negara ini kepada deklarasi yang dicapai di sidang kanak-kanak sedunia di

New York, Amerika Syarikat, September 1990.

Di hadapan kira-kira 400 kanak-kanak yang mewakili rakan mereka di seluruh negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan ikrar dan komitmen negara memastikan kebijakan dan perlindungan

mereka sebagai harapan negara masa depan:

"Kita berkumpul pada hari ini untuk merakamkan komitmen negara, kerajaan dan setiap individu termasuk kanak-kanak kepada deklarasi sedunia mengenai kebijakan kanak-kanak."

Malaysia adalah negara ke-71 yang sudah menandatangani deklarasi itu sebagai menandakan komitmennya. Perdana Menteri juga menyerahkan deklarasi itu kepada Timbalan Pengarah Eksekutif UNICEF, Dr Richard Jolly